

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir  
[ Kulim Bandar Baharu ]

**TARIKH** : 2 April 2018

**SOALAN** : Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian untuk memastikan buah durian yang dihasilkan oleh negara adalah berkualiti tinggi dan bagaimanakah Kementerian dapat memastikan nilai pasaran durian ini dapat dikomersialkan supaya isu lambakkan durian tidak berlaku dan seterusnya dapat meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara unggul yang mempunyai baka durian paling berkualiti di peringkat global.

25

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian ini telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan kualiti durian yang tinggi dan mempunyai pasaran yang luas antaranya adalah :

- a) Meneruskan pembangunan projek tanaman durian dalam RMKe-11 melalui projek pembangunan kluster durian, Projek Tanam Semula Buah-buahan Terpilih dan Program Khas Sumber kekayaan Baharu Durian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti hasil ladang;
- b) Memperkasakan program latihan kepada petani dengan mengadakan kursus dan latihan *hands on* bagi meningkatkan ilmu pengusaha mengenai pengurusan amalan pertanian baik durian supaya produktiviti ladang dapat dipertingkatkan ke arah memperoleh pensijilan kualiti seperti myGAP;
- c) Pihak kerajaan juga sedang membangunkan sistem *traceability (from farm to table)* bagi produk durian terutamanya untuk dieksport keluar negara;
- d) Mewujudkan standard/piawaian bagi buah durian segar dan yang diproses (puri durian);
- e) Penerokaan segmen pasaran baru durian terutamanya di negara China, Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun serta mewujudkan

kontrak bekalan jangka panjang dirancang untuk menjamin bekalan yang konsisten;

- f) Meneroka kepelbagaian produk baru daripada hasil durian dan bahan sampingannya seperti produk pemrosesan minima (contohnya *paste/puri*), jem serta produk konfeksi berasaskan durian;
- g) Menghasilkan klon baru durian yang lebih baik dari klon sedia ada dari segi kualiti buah, pengendalian lepas tuai serta ketahanan penyakit dan perosak. Strategi ini termasuk menjenamakan semula klon lama yang berkualiti tetapi kurang popular seperti MDUR 78, 79 dan 88;
- h) Memantau pengeluaran durian oleh petani supaya mereka mengikut sistem penanaman betul. Petani juga perlu mendapat maklumat awal bagi memudahkan penyelarasan permintaan, penawaran dan harga;
- i) Menggalakan pengeluar/penanam mengamalkan "*agro ecological zonation*" supaya mengadaptasi perubahan cuaca yang boleh menjejaskan pengeluaran durian; dan
- j) Penggunaan teknologi penyimpanan buah secara sejuk beku yang dapat membantu mengatasi isu lambakan buah. Melalui kaedah ini buah dapat disimpan untuk tempoh yang panjang sehingga maksimum 2 tahun.

SOALAN ( 20 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 APRIL 2018  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG  
[ BAGAN ]

SOALAN :

**YB TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menyatakan perincian proses kelulusan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) untuk Pulau Pinang sehingga kini. Kenapa wujudnya kelewatan bagi permohonan-permohonan bagi Pulau Pinang. Senaraikan permohonan-permohonan bagi seluruh negara berserta kos dan tempoh kelulusan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2014 sehingga 2017, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima sebanyak 73 permohonan (50 kos rendah dan 23 kos sederhana rendah) daripada *Joint Management Committee/ Management Corporation* (JMB/MC) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang dengan melibatkan kos berjumlah RM27.9 juta.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 permohonan (merangkumi 21 projek rumah kos rendah dan 11 projek rumah kos sederhana rendah) dengan kos berjumlah RM19.46 juta telah diluluskan oleh KPKT bagi tujuan pelaksanaan.

Kelulusan tersebut untuk kerja-kerja pembaikan seperti penggantian lif, penggantian tangki air, mengecat bangunan dan membaiki kerosakan harta bersama (*common property*) di sesebuah kawasan strata tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses permohonan TP1M di Pulau Pinang adalah sama sebagaimana dengan permohonan yang diterima daripada negeri-negeri lain. Permohonan yang diterima oleh KPKT akan disemak terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2014 sehingga 2017, KPKT telah menerima sebanyak 690 permohonan (476 kos rendah dan 214 kos sederhana rendah) melibatkan kos berjumlah RM417.8 juta daripada JMB/MC dan PBT di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 454 permohonan dengan kos berjumlah RM326.8 juta telah diluluskan oleh KPKT bagi tujuan pelaksanaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
April 2018